Sesiapa yang berbuat baik dalam Islam tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa yang dilakukannya pada zaman Jahiliah, dan sesiapa yang berbuat jahat dalam Islam, dia akan dipertanggungjawabkan atas yang pertama dan yang terakhir

Daripada Ibn Mas'ūd RA, beliau berkata: Seorang lelaki bertanya: “Wahai Rasulullah, adakah kami akan dipertanggungjawabkan atas apa yang kami lakukan pada zaman Jahiliah?” Baginda bersabda: «Sesiapa yang berbuat baik dalam Islam tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa yang dilakukannya pada zaman Jahiliah, dan sesiapa yang berbuat jahat dalam Islam, dia akan dipertanggungjawabkan atas yang pertama dan yang terakhir».

[صحيح] [متفق عليه]

Nabi menjelaskan kemuliaan memeluk Islam, Dan bahawa sesiapa yang memeluk Islam dan baik keislamannya, serta ikhlas dan benar, maka dia tidak akan dihisab atas perbuatan-perbuatan maksiat yang telah dilakukannya pada zaman jahiliyah, Sesiapa yang melakukan kejahatan dalam Islam dengan menjadi seorang munafik atau murtad daripada agamanya, maka dia akan dihisab atas amalannya semasa dalam kekafiran dan juga atas amalannya semasa dalam Islam.

https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65002